
BIL. 20 MAC 2019

UMP perkenal 6R kekal kampus lestari

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan Polisi Hijau UMP dan Kempen 'Let's Break Up with Plastic' pada 19 Februari 2019 yang lalu di Dewan Kompleks Sukan, UMP.

Ia adalah usaha berterusan hasil inisiatif Jawatankuasa Kelestarian UMP di bawah Kluster Pengurusan plastik oleh warga kampus pada 19 Februari 2019 yang lalu di Dewan Kompleks Sukan, UMP.

Universiti memfokuskan enam prinsip iaitu *Refuse, Reduce, Reuse, Recycle, Rot & Re-Think* dalam aspek kesihatan persekitaran.

Pelancaran kempen yang disempurnakan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim baru-baru ini merupakan langkah proaktif UMP dalam menyahut seruan kerajaan seiring dengan *Malaysia Plastics 2018-2030* yang dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Hujung Tahun lalu.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Mashitah Mohd Yusoff yang juga merupakan ahli Jawatankuasa Kelestarian UMP, antara tumpuan utama kempen ini adalah menggalakkan penggunaan penyedut minuman, beg dan plastik yang boleh diguna semula.

"Ketiga-tiga bahan tersebut menyumbang kepada 30 hingga 40 peratus sisa yang dijana di universiti."

"Sisa yang sukar diterima oleh pihak vendor untuk dikitar semula akan menyebabkan pencemaran kepada tanah dan air yang sukar terurai," katanya.

Pengurusan sisa secara lestari ini juga diperkasakan lagi dengan pembangunan dan pengoperasian Pusat Pengurusan Sisa (PPS) dalam kampus.

Selain itu, kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepentingan tanggungjawab bersama warga universiti terhadap pengurusan sisa pepejal domestik UMP yang mana ianya akan mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pembuangan dan mengurangkan pencemaran alam sekitar dan penghasilan gas rumah hijau yang memberi kesan buruk terhadap iklim.

Dalam pada itu, pelbagai program telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan oleh pihak Pejabat Pengurusan (OSHMO) secara lestari dalam meningkatkan kesedaran terhadap usaha ini.

Antaranya, 'MYTAPAU' yang mana warga UMP diberikan insentif sekiranya mereka menggunakan bekalan makanan.

UMP juga turut bekerjasama dengan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Kuantan dalam usaha memperbaiki kain rentang (*banner*) yang telah digunakan menjadi beg terpakai (*reusable bag*).

UMP tersenarai pada kedudukan ke-97 terbaik dunia dan ke-6 terbaik di Malaysia dalam Penarafan *UI Green Metric World University Ranking* berdasarkan usaha kelestarian kampus hijau dan pengurusan alam sekitar yang telah diumumkan baru-baru ini.

Keputusan itu juga menjadikan UMP berada pada kedudukan ke-29 terbaik Asia dan kedudukan ke-16 di Asean.

Penilaian dibuat berdasarkan tujuh kriteria utama iaitu Keluasan Tanah dan Infrastruktur, Tenaga dan Perkhidmatan, Pengangkutan, Pendidikan dan Gaya Hidup Sihat.

Bakal graduan miliki ilmu pengurusan dan teknikal dalam program UMP

Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai universiti teknologi lima bintang bertaraf dunia cukup dikenali dan Kejuruteraan dan Teknologi yang berkualiti dan diiktiraf.

UMP juga merupakan destinasi pendidikan tinggi pilihan pelajar lepasan sekolah dan golongan bekerjaya Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran.

Antara program diiktiraf antarabangsa yang ditawarkan di universiti ini adalah Program Dwijazah iaitu hasil Hochscule Karlsruhe Und Wirtschaft (HsKA) dan Program Dwi-Ijazah dalam Kejuruteraan Perniagaan hasil (HsR), Jerman bagi mengembangkan bidang Kejuruteraan Perniagaan di Malaysia.

Menurut Ketua Program Kejuruteraan Perniagaan di Fakulti Pengurusan Industri (FIM), Dr. Lee Khai Loon, dilengkapi dengan kemahiran teknikal dan berpengetahuan dalam pengurusan perniagaan dikatakan menyumbang peluang untuk mendapatkan pekerjaan.

"Justeru, penawaran program Kejuruteraan Perniagaan di FIM sejak diperkenalkan empat tahun lalu mempunyai kejuruteraan dan berminat untuk menimba pengetahuan dalam pengurusan perniagaan bagi mencipta kerjaya.

Tambah beliau, ijazah ini adalah program akademik Dwijazah dengan Reutlingen University (HsR), Jerman.

"Pelajar akan melengkapkan tahun pertama dan kedua mereka di UMP dan bagi yang berjaya memenuhi syarat akan menyambung pengajian tahun ketiga dan keempat di Reutlingen University.

"Kelebihannya pelajar akan mendapat dua ijazah dari kedua-dua institusi iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dan Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Operasi dan Logistik Antarabangsa (HsR).

"Mereka juga dapat mempelajari bahasa Jerman, menghayati budaya dan menimba pengalaman dalam seramai lima orang pelajar perintis dari Jerman telah bergradusi pada Majlis Konvokesyen UMP Kali Ke-13"

Program ini dijangka dapat merealisasikan perancangan Rancangan Malaysia Ke-11 bagi mewujudkan kejuruteraan dan menggalakkan pertumbuhan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Sinergi yang mantap antara keperluan industri dan kematangan ilmu perniagaan semasa diserasikan memenuhi dan memahami keperluan signifikan pihak industri.

Penawaran program ini juga diharap dapat melahirkan lebih ramai tenaga mahir dalam industri perniagaan utama wilayah ini termasuklah berdekatan dengan kawasan perindustrian berdekatan kampus seperti Kemaman.

Manfaat buat rakan industri, mereka dapat memiliki graduan praktikal yang berpengetahuan industri yang mampu.

Manakala bagi UMP dan HsR, kedua-dua universiti ini boleh dijadikan sebagai hub pendidikan bertaraf antarabangsa untuk penyelidikan gunaan dan inovasi di peringkat antarabangsa.

Antara syarikat Jerman yang beroperasi di Malaysia adalah seperti Mercedes Benz, Robert Bosch, Infineon Technologies dan beroleh kelebihan dari segi keperluan sumber tenaga manusia manakala Kerajaan Malaysia dan menyumbang kepada pembangunan modal insan serta meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Mahasiswa UMP gigih kumpul sumbangan bantu mangsa

Oleh: AWANI RANGERS UMP, NOR FATIN NABILAH MOHD TAHIR, KELAB MEDIA MASSA UMP

Prihatin dengan nasib mangsa tragedi gempa bumi dan tsunami yang melanda Kota Palu di Indonesia pada 28 September lalu, Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang digerakkan oleh Gerakan Pengguna Siswa (GPS) dengan kerjasama (CHEST) menganjurkan program Misi Kemanusiaan Palu untuk membantu meringankan beban mangsa di sana.

Misi yang akan berlangsung pada 11 hingga 16 Mei depan iaitu pada bulan Ramadan mendapat kerjasama YDKMM (Yayasan Dikarunia Kita Membangun Masyarakat) dan Rumah Zakat (badan bukan kerajaan dari Indonesia).

YDKMM dan Rumah Zakat ini mempunyai pengalaman dalam membantu mangsa bencana bersiri iaitu gempa bumi dan tsunami.

Menurut Eksekutif Kanan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang juga Penasihat Program, Abd. Rahim bin Md. Yusof, bantuan yang akan diberikan kepada mangsa bencana adalah penempatan sementara, sekolah sementara dan perubahan keadaan.

"Kelainan misi kali ini adalah pada bulan Ramadan dan sukarelawan UMP akan merasai suasana bulan Ramadhan di Palu."

"Selain sukarelawan UMP, misi kali ini akan melibatkan sukarelawan daripada Universiti Awam (UA)."

"Program ini juga akan dapat melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja hebat dalam pelajaran malah juga berbakat dalam bidang lain seperti teknologi dan seni. Selain itu, mereka juga akan dilatih untuk berinteraksi tinggi, berkomunikasi dan berinteraksi dengan dunia luar" katanya.

Sementara itu, Pengarah program yang juga Exco Kesukarelawanan dan Khidmat Komuniti Majlis Perwakilan Mahasiswa UMP, Mohd Firdaus bin Ahmad berkata, sehingga kini kutipan mencecah 20 ribu dan pihaknya menyasarkan kutipan sebanyak RM100,000.00 bagi membantu mangsa di sana supaya mereka dapat beraya dalam keadaan baik dan meriah.

"Beberapa aktiviti juga akan diadakan seperti berbuka puasa dan sahur perdana bersama masyarakat Palu. Selain itu, aktiviti akademik dengan kanak-kanak di Palu memandangkan kanak-kanak di sana telah ketinggalan dalam pelajaran akademik."

Pada 19 Februari 2019 yang lalu telah Majlis Pelancaran Tabung Misi Kemanusiaan Palu yang disempurnakan oleh Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Selain mendapatkan sumbangan dan tajaan syarikat korporat, pihaknya menganjurkan beberapa program Jualan Makanan yang mendapat sambutan ramai.

Bagi orang ramai yang berhasrat menyumbang boleh terus salurkan ke akaun rasmi MAYBANK Nombor A Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Segala sumbangan ini perlu dimaklumkan kepada Bendahari Program Misi Kemanusiaan Palu iaitu Noorl bagi tujuan dokumentasi di Pejabat Bendahari UMP.

Pentadbir UA perlu berwibawa dalam pengurusan

Golongan Pentadbir Universiti Awam (UA) perlu segera mengadaptasi perubahan bersesuaian dengan la masa kini yang telah banyak mengalami perubahan rentetan fenomena Revolusi Industri 4.0.

Sesebuah universiti itu juga perlu mempunyai sumber manusia berpengetahuan dan berkemahiran tinggi

Pentadbir sebagai tulang belakang pengoperasian sesebuah universiti perlu diberi pendedahan mengen masing-masing dalam menangani tuntutan pengurusan termaju kini.

Pada masa ini, terdapat lebih 8,000 Pentadbir UA dalam kalangan kumpulan Pengurusan dan Pentadbiran di universiti masing-masing.

Ketua Pegawai Operasi merangkap Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid berkata, jika elemen Industri 4.0 dengan sebaiknya maka tidak mustahil ianya akan menghasilkan satu tekanan yang akhirnya akan menjadikan kualiti kehidupan secara tidak langsung.

"Lebih membimbangkan lagi jika permasalahan ini dilihat menyumbang kepada penyusutan daya saing organisasi khususnya dan sektor pendidikan tinggi amnya.

"Justeru, Persatuan-persatuan khususnya MASTI diharap dapat merangka strategi dalam melaksanakan kesan dan impak tinggi ke arah pengapliksan pengurusan termaju di dalam organisasi," katanya.

Beliau hadir menyampaikan ucapan dalam Program Kolokium Pentadbir: Pengurusan Termaju anjuran PPTI bersempena Mesyuarat Eksekutif Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI) Pekan pada 21 Februari 2019 yang lalu.

Hadir sama Timbalan Presiden (Hubungan Strategik) MASTI, Wan Mohd Wazir Wan Abdul Wahab dan MASTI, Mohd Raizalhilmy Mohd Rais yang juga Presiden PPTI.

Dalam pada itu, Wan Mohd Wazir memuji penganjuran program ini yang bertujuan untuk berkongsi pengalaman pentadbir yang berlatar belakang pelbagai bidang kepakaran.

Ujar beliau, UMP merupakan destinasi kedua siri jelajah MASTI selepas Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan ahli serta menyebarkan matlamat fokus perjuangan dalam kalangan ahli yang menganggotai MASTI.

Manakala bagi Mohd Raizalhilmy pula, topik yang dibincangkan sangat relevan tambahan pula menerusi menganalisis dan memberikan keputusan dengan cepat dan tepat buat organisasi.

Jelasnya, cabaran pentadbir kini adalah untuk menerokai dan menggilap potensi diri agar kompeten dalam sinonim dengan imej pentadbir.

Membarisi ahli panel adalah Muhammad Azli Shukri yang merupakan Pegawai Penerbitan Kanan, Penerbitan IR 4.0: Kejutan & Gelombang"; Emma Melati Burhanuddin, Eksekutif Kanan Fakulti Kejuruteraan Award "Budaya Pengurusan Termaju Universiti di Amerika Syarikat" dan Haji Abdullah Fairuzullah Ahmad Tajuddin, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK) pula mengulas mengenai "Pelaksanaan Data Raya Anugerah".

Manakala Zainal Haji Bahari yang merupakan Pengurus Besar Jabatan Sosioekonomi dan Projek Khas UPM dalam kolokium yang dihadiri lebih 60 ahli persatuan dan Eksekutif MASTI pada pengajuran kali ini.

Pustakawan UMP curah ilmu dalam Bengkel Katalo...

Oleh: ISWAN AKIM ISMAIL, PERPUSTAKAAN UMP

Dalam usaha memastikan hubungan yang baik antara universiti dan masyarakat sekitar Pekan, Perpustakaan UMP menjalankan tanggungjawab sosial inovatif dengan mengadakan Bengkel Sistem Katalog Bersepadu Pada 2 Februari 2019 yang melibatkan sekolah-sekolah sekitar daerah Pekan.

Dalam program ini, seramai 78 orang peserta membabitkan Pengawas Pusat Sumber termasuk enam orang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mahmud Mat, Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Abdul Rahman dan Ahmad Pekan hadir menyertai program yang berlangsung di Auditorium Perpustakaan dan Makmal Komputer.

Menurut Timbalan Ketua Pustakawan Kanan UMP, Dzull Zabarrod Ahmad, bengkel ini dapat meningkatkan pengetahuan terutamanya Pengawas Pusat Sumber (PPS) sekolah berkenaan.

"Peserta berpeluang menimba pengalaman melaksanakan pengkatalogan secara talian dan pada masa yang sama dalam era teknologi maklumat pada masa kini.

"Pelajar telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu satu kumpulan berada di auditorium bagi pengkatalogan dan satu kumpulan lagi ditempatkan di makmal bagi sesi amali cara pengkatalogan atas talian.

Pihaknya berharap program ini dapat diperluaskan dengan sekolah-sekolah lain seluruh Pahang dalam pengkelasannya adalah mengikut standard dan memudahkan carian.

Hadir sama menyampaikan ceramah adalah Pustakawan Kanan UMP, Iswan Akim Ismail dan Pustakawan masing-masing telah menyampaikan tajuk berkaitan asas-asas pengkatalogan dan pengenalan pencarian.

Selain itu, mereka juga turut diberi pendedahan dan penerangan tentang penggunaan sistem pengkatalogan.

500 sertai Larian Amal UMP untuk Misi Kemanusiaan Palu

Oleh: SITI NURAZWIN ZULKAPRI, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Sebagai usaha bagi mengumpul dana bagi menjayakan Misi Kemanusiaan Palu di Indonesia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengadakan Program Palu Charity Run pada 23 Februari 2019 yang lalu.

Program yang bermula seawal jam 7 pagi itu berlangsung di perkarangan Kompleks Sukan UMP Kampus Utama. Dalam program ini, Profesor Dr. Mohd Firdaus bin Md Yusof (Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin.

Penyertaan larian yang dibuka kepada orang ramai ini turut mempromosikan gaya hidup sihat dan melahirkan minda yang cerdas dan cergas.

Dalam pada itu, program larian amal ini adalah salah satu inisiatif untuk mengumpul dana bagi Misi Kemanusiaan Palu di Indonesia. Ia merupakan hasil kerjasama antara Persatuan Mahasiswa Islam (PMI) dan Persatuan Mahasiswa Sains dan Teknologi (PMST) bersama-sama dengan GPS dan Persatuan Pelajar Kejuruteraan Kimia (CHEST) yang diketuai oleh Ezwirah, Ketua Kesukarelawanan dan Khidmat Komuniti Majlis Perwakilan Pelajar.

Pengarah Program, Nur Amira Shafiqah Ismail berkata program ini bukan sahaja dapat mengamalkan yang dilakukan malah memberi peluang kepada peserta untuk menyumbang.

“Melalui program ini juga kita dapat memperkenalkan orang awam dengan persekitaran kampus UMP yang pelajar dari Kolej Matrikulasi Pahang yang turut terlibat dalam program ini,” katanya.

Sementara itu, Ezwan berkata, program ini berjaya mengumpulkan sebanyak RM4,000 untuk disumbangkan dilancarkan baru-baru ini oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Sehingga kini, kutipan mencecah RM20,000 dan pihaknya menasarkan kutipan sebanyak 100 ribu bagi untuk membantu mangsa di Palu agar mereka dapat menyambut hari raya dalam keadaan lebih baik dan nyaman.

Misi yang berlangsung pada 11 hingga 16 Mei depan bakal berlangsung tatkala umat Islam menunaikan ibadah haji.

Program mendapat kerjasama pihak Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM) dan Rumah Zakat yang mempunyai pengalaman dalam membantu mangsa bencana bersiri iaitu gempa bumi, tsunami dan lindung.

Perniagaan Makanan Oden mahasiswa UMP jadi

Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu. Begitulah perumpamaan yang sesuai dikaitkan Kejuruteraan Kimia Universiti Malaysia Pahang (UMP), Mohd Nazarni Che Isa, 30, yang kini popular dengan

Menurut Mohd Nazarni, beliau tidak menyangka perniagaan makanan viral itu menjadikan sumber pendapatan

“Makanan ala steamboat iaitu oden mula menjadi tumpuan ramai sehingga ia menjadi tular di media sosial.”

“Ianya berlaku selepas sebuah kedai serbaneka dari Jepun mula beroperasi di negara ini dengan memperkenalkan yang mula menjadi tumpuan ramai sehingga ia tular.

“Apabila melihat orang mula mencari makanan viral ini membuatkan saya mencuba sendiri di beberapa tempat dan saya cuba menghasilkan sendiri kuah oden tersebut,” katanya.

Jelas beliau lagi, selepas itu, dia mula membuka peniagaan di kiosk yang disediakan oleh Unit Keusahawanan dan Gambang dengan nama Oden Bamsis UMP.

“Pada hari pertama bermula, saya memberanikan diri untuk menjual 600 cucuk bebola dan bersyukur apabila

“Maklum balas pelanggan yang amat positif terus memberikan motivasi buatnya untuk meneruskan peniagaan ini.”

“Rata-rata pelanggan mengatakan rasa kuah yang pedas, masam dan pekat boleh membuatkan penggemar pasti membuatkan sesiapa sahaja kecur air liur,” katanya sambil ketawa.

Tambahnya lagi, pelanggan juga boleh bersantai dengan duduk dan makan di sini kerana kerusi dan meja

“Ia dijual dengan hanya RM1 secucuk dengan pelbagai jenis bebola. Malahan harganya sangat murah jika dibandingkan dengan makanan yang sama di tempat lain.”

"Oden Bamsis UMP kini dibuka setiap hari Isnin hingga Khamis bermula pukul 9.30 pagi hingga 5.15 petang."

Bagi menarik hati pelanggan beliau turut mempelbagaikan barang jualan antaranya susu segar *Farm Fresh* seperti buah potong, dadih, kek batik donat dan macam-macam lagi.

Kini, sungguh tidak menyangka yang dahulunya dengan menggunakan modal sebanyak RM300 sahaja untuk membuka kedai kecil kini pendapatan beliau mencapai antara RM1,300 hingga RM1,500 sehari.

Beliau turut berkongsi cabaran yang dihadapi iaitu membahagikan masa antara perniagaan dan pengajian.

Ujarnya, dalam perniagaan kita perlu ada sikap sabar dan tidak mudah berputus asa dan sentiasa mementingkan hasil kerja.

Kini beliau turut melantik dua pekerja sambilan yang terdiri daripada mahasiswa UMP bekerja sambil dapat pendidikan.

Selain itu, Mohd Nazarni juga ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada UMP yang banyak memberi peluang kepada mahasiswa untuk menjadi usahawan.

Selain itu beliau turut mengharapkan mahasiswa UMP dapat mengambil peluang ini sebagai pengalaman dan pelajaran.

Komitded laksana program pembangunan sosioekonomi

UMP Advanced terus memainkan peranan sebagai ejen perubahan dalam membantu meningkatkan penawaran pelbagai program jangka pendek termasuk program kompetensi dengan kerjasama pelbagai swasta.

Peranan yang dimainkan adalah selari dengan komitmen Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk memaklumkan jangka pendek bagi menyahut seruan kerajaan Malaysia dalam menyediakan tenaga kerja mahir dalam Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dalam memperkasakan program latihan yang berteraskan Pembangunan Kemahiran Teknikal dan Vokasional.

Bagi tujuan tersebut, Jabatan Sosioekonomi & Projek Khas, UMP Advanced menjalinkan kerjasama dengan ahli industri dan ahli akademik dalam menyokong pelaksanaan program yang dijalankan.

Konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) diguna pakai dengan menjalinkan kerjasama dengan ahli industri dan ahli akademik dalam menyokong pelaksanaan program yang dijalankan.

Salah satu daripada program yang memberikan impak kepada komuniti ialah pelaksanaan program empowernya.

Program yang telah dilaksanakan sejak 2011 sehingga kini telah berjaya melatih membabitkan seramai 13,000 orang.

Program yang dijalankan meliputi program Latihan Akademik kepada pelajar-pelajar sederhana, lemah dan kurang berkemampuan termasuk murid Orang Asli.

Program yang mendapat kerjasama baik Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pegawai dan ahli industri dalam menyokong pelajar yang kurang berkemampuan ini diberikan peluang menerusi pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti latihan akademik, latihan kemahiran dan pelajaran teknikal, lawatan ke UMP, kem-kem perkhemahan serta pelbagai program bimbingan pendidikan dan kerjaya termasuk pelajaran teknikal.

Antara kejayaan yang membanggakan terdapat pelajar murid Orang Asli yang diterima masuk ke sekolah menengah Rendah Sains MARA (MRSRM) dan berjaya melanjutkan pengajian hingga ke menara gading.

Bagi golongan belia termasuk ibu tunggal juga tidak dipinggirkan. Program Latihan Kemahiran & Keusahawanan memberi peluang mereka untuk mendapat peluang latihan dan mengembangkan kemahiran untuk menjadi usahawan.

Ramai antara mereka yang mampu menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan sama ada di rumah ataupun di luar negara.

Modul yang dibangunkan juga tidak hanya memfokuskan kepada subjek atau latihan amali semata-mata tetapi termasuk modul tambahan seperti pemasaran digital, pengurusan kewangan dan motivasi keusahawanan.

Modul-modul ini diperakukan oleh pihak Senat dan Majlis Pembelajaran Sepanjang Hayat (MPSH) dan diluluskan menamatkan pengajian dengan memenuhi syarat yang ditetapkan layak menerima Sijil Profesional UMP Advanced.

Bagi usahawan yang berpotensi untuk mengembangkan perniagaan mereka, UMP Advanced bekerjasama dengan Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) menyediakan ruang dan tempat untuk mereka memasarkan hasil produk mereka.

Sebagai contoh, satu Kompleks Pusat Pemprosesan Hasil Laut yang diberi nama D' Kuala mempunyai kilang pemprosesan hasil laut, empat unit restoran dan empat unit gerai jualan pelbagai telah dibangunkan dan telah beroperasi sepenuhnya.

UMP juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Perbadanan Hal Ehwal Veteriner (PHEV) untuk memfasilitasi pelajar dan ahli akademik dalam menyokong pelaksanaan program yang dijalankan.

Program Pembangunan Sosioekonomi Veteran (PPSEV).

MoU yang telah ditandatangani pada 23 Disember lalu bersempena Majlis Konvokesyen PERHEBAT KE selaku wakil Rasmi YAB Perdana Menteri Malaysia.

Di dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Mohamad Sabu, Pejabat Mohamad menyeru agar kerjasama antara pihak swasta terus ditingkatkan bagi membantu nasib golongan rata-ratanya pencen pada usia yang masih muda.

Oleh itu, sudah semestinya program-program latihan yang bersesuaian dengan pengalaman dan keperluan memastikan pengalaman dan kepakaran mereka tersebut dapat digunakan bagi tujuan menjana pendapatan.

Tidak terhenti setakat itu, usaha yang terus dijalankan ialah kerjasama bersama Akademi Binaan Malaysia Industri Pembinaan Malaysia (CIDB Malaysia) bagi memperakarkan setiap program yang dijalankan oleh UIPM.

Selaku agensi yang memegang akta berkaitan industri pembinaan di Malaysia, adalah diharapkan setiap teknologi Advanced adalah berkualiti, berkelayakan dan memenuhi kehendak pasaran.

Artikel ini telah disiarkan dalam akhbar Berita Harian pada 25 Februari 2019.

-
- 157 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG

Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

